

# Dr. M. seru AS kaji semula sikap terhadap Israel

UM 30 SEP 1982

NEW YORK 29 Sept. —  
Datuk Sri Dr. Mahathir

Mohamad hari ini menyeru Amerika Syarikat, pembekal utama senjata kepada Israel, supaya mengkaji semula sikap terhadap Israel yang disifatkan sebagai negara yang suka menindas negara-negara yang lemah.

Perdana Menteri menegaskan senjata-senjata yang dibekalkan itu adalah hanya untuk membunuh dan sekiranya Israel menjadi sebuah negara yang besar dan kuat, seluruh dunia tidak akan selamat.

Dalam ucapan sulungnya sebagai Perdana Menteri di sidang ke-37 Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, di sini hari ini, beliau juga menyentuh beberapa perkara penting termasuk keadaan ekonomi dunia, keberkesanan dan maruah Bangsa-Bangsa Bersatu, kedaulatan Kampuchea, sikap negara kaya terhadap negara miskin, soal Asia Barat dan Antartika.

Mengenai ekonomi dunia, Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan kemelesetan ekonomi dunia adalah buatan manusia sendiri dan usaha mengatasinya perlu dilakukan oleh manusia juga kerana tidak terdapat kekurangan bekalan atau

perdamaian dalam pertikaian Asia Barat:

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, satu pengajaran yang diperolehi dari penaklukan Israel ke atas negara jirannya, Lebanon dan kemusnahan Beirut ialah sekiranya perbuatan itu tidak dibenarkan, masalah di Asia Barat tidak hanya akan berterusan tetapi ia akan berterusan sehingga semua pihak terlibat dalam pertikaian itu.

Serentak dengan kecaman itu ke atas Israel, Perdana Menteri memberikan setinggi penghormatan kepada pejuang-pejuang Palestine kerana keberanian dan sikap patriotik dan menghadapi perjuangan menegakkan hak mereka.

"Saya juga ingin menyampaikan setinggi penghormatan kepada Pengerusi Yasser Arafat kerana keberanian dan tokoh kenegarawannya yang sanggup meninggalkan Beirut semata-

kemelesetan, masalah kemiskinan yang berleluasa yang semuanya masih tidak dapat diselesaikan.

Selain daripada masalah itu, terdapat juga peningkatan penggunaan senjata, penggunaan begitu banyak perbelanjaan untuk mengugut manusia dengan kemusnahan dan mungkin juga untuk menghapuskan semua dari muka bumi ini.

Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengadakan mesyuarat untuk mengatasi masalah ini harus mendapat sokongan semua ahli supaya kuasanya dapat dimainkan dengan berkesan.

Kata Perdana Menteri, sekarang ini, undang-undang antarabangsa tidak dipatuhi sepenuhnya. Hanya kuasa dan kekuatan sahaja yang benar dan negara-negara lemah seperti Afghanistan, Kampuchea dan Lebanon ditendang oleh tentera yang menakluk dengan negara-negara dunia hanya memer-

atas Bangsa-Bangsa Bersatu sangat diperlukan dan Bangsa-Bangsa Bersatu perlu memulihkan kredibilitinya.

Untuk itu, beliau menjelaskan negara seperti Malaysia harus membantu menegakkan keyakinan dan kepercayaan masyarakat antarabangsa mengenai kebolehan pertubuhan ini memainkan peranan yang membina dalam menyelesaikan masalah dan krisis dan mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia:

Apa yang diperlukan sekarang ialah sokongan sepenuhnya oleh negara-negara kuasa besar. Mereka harus memulihkan pertubuhan yang mereka wujudkan, mereka harus memberi nafas dengan cara mematuhi segala keputusan yang dibuat.

Di Asia Tenggara, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, masalah Kampuchea merupakan satu ancaman kepada keamanan dan keselamatan.

kekurangan permintaan tetapi secara tiba-tiba tiada siapa mahu membeli barangan yang tidak dapat diperolehi semalam.

Dalam soal Asia Barat khususnya mengenai sikap Israel terhadap rakyat Palestine dan Lebanon, Datuk Sri Dr. Mahathir telah membicarakan penumpuan yang khusus mengenai tindak-tanduk Israel dan sikapnya yang tidak berperikemanusiaan.

Dalam hubungan ini beliau menyatakan bahawa baru-baru ini terbukti satu sejarah dan Perdana Menteri Israel mengakui bahawa Israel tidak berjuang atas dasar mempertahankan diri.

Israel, katanya, menyerang sekiranya terdapat provokasi walaupun yang paling kecil dan ia juga membuat serangan sekiranya dirasakan ada provokasi.

Negara-negara yang berjiran dengan negara itu akan sentiasa hidup dalam ancaman dan mereka akan diserang dan kekejaman dan keganasan akan dilakukan.

Demi kepentingan keselamatan Israel, kata Perdana Menteri, keselamatan negara lain tidak akan wujud dan dalam konteks ini beliau bertanya: "Bolehkah kita terima bahawa hanya keselamatan Israel sahaja yang penting dan negara-negara Arab yang berjiran tidak berhak kepada keselamatan mereka?"

Selain dari penggunaan senjata di wilayah Palestine dan Arab yang dikuasai, Israel juga menyebarkan propaganda bahawa rakyat Palestine tidak wujud dan dengan sikap itu menggagalkan semua usaha mencari

mata untuk menjamin keselamatan orang awam dalam keganasan Israel tetapi malangnya pengorbanan PLO itu masih menghadapi kekecewaan," jelasnya.

Malaysia, katanya mengalu-alukan langkah yang diambil oleh para pemimpin Arab di Fez baru-baru ini dan hakikat tersebut mencerminkan sikap yang wajar dalam pendirian, keberanian, kenegarawan selain dari pengesahan tanggungjawab kepada piagam Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mencari keamanan dan keselamatan.

Langkah serupa itu memberikan satu formula kepada masyarakat antarabangsa yang akan membolehkan rakyat Palestine pulang ke negara secara bebas.

Walaupun ini akan ditentang oleh Israel tetapi dunia dan penyokong Israel harus menyedari perlunya mereka pulang ke negara mereka mengikut cara-cara yang tamadun.

Mengenai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata sejak persidangannya yang lalu, keadaan di peringkat antarabangsa masih tidak menampakkan kebaikkan tetapi keadaannya bertambah meruncing.

Menurutnya, dunia masih menghadapi berbagai jenis krisis, dari masalah politik yang tidak dapat diselesaikan hingga kepada pertentangan tentera; keadaan ekonomi yang buruk selain dari

hati.

Ekonomi negara-negara miskin musnah akibat ke-melesetan yang wujud ekoran dasar-dasar buatan manusia di pusat-pusat perdagangan dan kewangan dunia.

Rayuan negara-negara miskin merupakan perkara yang dianggap kurang penting oleh negara kaya dalam perbincangan yang diadakan untuk memenuhi kehendak sendiri dan di Palestine, beribu-ribu orang dibunuh atas nama keselamatan bagi pihak Israel.

Suatu masa dahulu, Bangsa-Bangsa Bersatu menghantar tentera dari berbagai negara untuk menghentikan penaklukan dan ianya mencapai kejayaan tetapi sekarang, kata Perdana Menteri, Bangsa-Bangsa Bersatu tidak bermaya lagi.

Ketetapan demi ketetapan difuluskan oleh berbagai jawatankuasa Bangsa-Bangsa Bersatu tetapi penaklukan, keganasan dan penindasan ekonomi tetap berlaku.

Kredibiliti Bangsa-Bangsa Bersatu, sebenarnya, berada pada peringkat yang paling rendah dan negara-negara yang sudah lemah dan kecil pula terpaksa hidup dalam keadaan ketakutan - takut kepada pencabulan kemerdekaan, keadaan hidup dan kehidupan itu sendiri.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata keperluan untuk menegakkan kepercayaan ke

Tiga kali Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu menyeru supaya dilakukan penarikan keluar semua tentera asing dan biar rakyatnya sendiri menentukan nasib mereka.